

25/11/1999

Parti lawan sebar alasan kalah

KUCHING, Rabu - Walaupun pengundian bagi pilihan raya umum kesepuluh dijadualkan Isnin ini, barisan pembangkang sudah menyebarkan alasan mengenai punca kekalahan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pembangkang, dengan bantuan media asing seperti CNN dan CNBC, mendakwa mereka akan kalah kerana wujud rasuah serta pelbagai penyelewengan oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya.

"Belumpun sampai hari mengundi. Belumpun diketahui siapa yang menang, siapa yang kalah, mereka sudah menyediakan alasan bagi kekalahan mereka. Inilah sebabnya kenapa saya kata mereka akan tewas.

"Mereka sudah mula bercakap bahawa pilihan raya ini tidak adil. Akan ada rasuah dan penyelewengan... dan kawan mereka terdiri daripada pemberita dan media asing sudah berkata pilihan raya ini akan menjadi pilihan raya paling korup diadakan di Malaysia.

"Mereka sedang bersiap sedia bagi kekalahan manakala kita bersiap sedia bagi kemenangan," katanya ketika berucap merasmikan Terminal Senari, pelabuhan air dalam milik Lembaga Pelabuhan Kuching, di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila; dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub.

Dr Mahathir berkata, barisan pembangkang bergantung kepada sokongan orang asing kerana mereka tahu tidak mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia sendiri.

Sebaliknya, kata beliau, BN berbangga dengan kewibawaan negara serta tidak bergantung kepada rakyat asing dan meminta bantuan daripada mereka.

"Media asing boleh mengatakan apa saja yang mereka suka terhadap BN. Kita tidak kisah itu semua. Kita adalah negara merdeka dan BN sebagai sebuah kerajaan yang merdeka, bekerja hanya untuk Malaysia dan rakyatnya.

"Kita tahu, orang asing ini tolong berkempen untuk parti lawan. Belum pun kita ada pilihan raya, ada juga pemimpin dari negara asing datang ke Malaysia dan menyuruh penyokong parti lawan merusuh di jalan raya untuk menjatuhkan kerajaan.

"Hari ini, orang yang sama menyokong parti lawan dan sekarang ini pun mereka menyokong parti lawan. Ya... mereka ini memang bencikan Kerajaan Malaysia dan benci kepada saya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia perlu terus diterajui oleh kerajaan yang boleh mencetuskan pemikiran baru untuk memajukan rakyat dan memartabatkan maruah negara.

"Ada pihak mendakwa pembangunan boleh berlaku dan meningkat mengikut peredaran masa dan sesiapa saja boleh dipilih untuk memerintah, tentu akan membawa pembangunan kepada negara.

"Tetapi kalau kita perhatikan banyak juga negara membangun yang mempunyai kerajaan tetapi tidak banyak pembangunan... kadang-kadang tidak ada pembangunan sama sekali," katanya.

Beliau berkata, apa yang diperlukan Malaysia bukan saja kerajaan yang dapat menjaga kedaulatan undang-undang tetapi juga yang mempunyai idea dan sepanjang masa memikirkan kepentingan rakyat.

"Kerajaan yang cekap meneliti setiap perkembangan dalam segenap bidang termasuk ekonomi, politik dan sosial dan merancang untuk masa hadapan. Inilah tugas kerajaan lebih daripada semata-mata menjaga keamanan," katanya.

(END)